

# KAJIAN PENGGUNAAN CIDOS E- LEARNING DALAM KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Suhaizi Bin Ramli<sup>1</sup>, Mohamad Najib Bin Mohamad Zain<sup>2</sup> dan Nurul Azyra Binti Said@Idrus<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup>Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah.

[suhaizi@ptsb.edu.my](mailto:suhaizi@ptsb.edu.my)<sup>1</sup>, [najib@ptsb.edu.my](mailto:najib@ptsb.edu.my)<sup>2</sup>, [azyra@ptsb.edu.my](mailto:azyra@ptsb.edu.my)<sup>3</sup>

*Abstrak* - Proses pembelajaran melalui *E-Learning* merupakan kaedah pembelajaran atas talian yang berasaskan LMS (*Learning Management System*). Kaedah ini mula diperkenalkan dan digunakan pada tahun 2010 yang dikenali secara umum sebagai *CIDOS E-Learning*. Melalui kaedah ini proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan fleksibel dari segi tempat, masa, kaedah serta bahan pengajaran. Kajian dijalankan bertujuan meninjau tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran melalui *CIDOS E-Learning* di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Kajian ini tertumpu kepada 2 aspek kajian iaitu tahap pengetahuan dan kesediaan pelajar dalam menggunakan *CIDOS E-Learning* dalam pembelajaran. Responden terdiri daripada pelajar JKM bagi sesi pengajian Jun 2012. Instrument kajian mengandungi 20 item berasaskan skala pemeringkatan Likert. Analisis menggunakan perisian SPSS Versi 11.5. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar dalam menggunakan *CIDOS E-Learning* adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.47 dan tahap kesediaan pelajar dalam menggunakan *CIDOS E-Learning* pula adalah 2.76. Penambahbaikan perlu dijalankan bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan kaedah ini secara lebih berkesan.

*Kata Kunci:* *CIDOS E-learning, pengajaran dan pembelajaran, Likert*

\*\*\*KERTAS KERJA PENUH DIMUATKAN KE DALAM JOURNAL PTSB 2013\*\*\*